

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 JULY 2017

PM yakin Malaysia berpendapatan tinggi 2020

IPOH 28 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yakin Malaysia berada di landasan tepat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi pada 2020 biarpun berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi global selain penurunan harga komoditi dan minyak.

Beliau berkata, kekuatan negara terletak pada asas ekonomi yang kukuh serta program transformasi yang mula membuah hasil,

selain mempunyai kepelbagaian struktur ekonomi serta kadar inflasi dan pengangguran rendah.

Malah kata beliau, peningkatan eksport dan perkembangan berterusan dalam sektor pembuatan juga menunjukkan trend positif sementara pembasmian kemiskinan pula berjaya dikurangkan dengan hanya mencecah 0.6 peratus.

"Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonomi positif 4.2

peratus pada 2016 diikuti 5.6 peratus pada suku pertama tahun ini. Bank Negara Malaysia (BNM) juga mengekalkan ramalan tahunannya antara 4.3 hingga 4.8 peratus pada tahun 2017.

"Baru-baru ini Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) telah meningkatkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun ini daripada 4.5 kepada 4.8 peratus bersandarkan

pada kemampuan pengurusan ekonomi negara dan polisi kewangan yang mampan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) Ke-71 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir.

UM- 29/7/2017 pg. 3